



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***KESEDIAAN GURU DALAM MELAKSANAKAN PENGAJARAN  
MENGUNAKAN KONSEP DIDIK HIBUR DI SEKOLAH DALAM  
HOSPITAL DI SEMENANJUNG MALAYSIA***

**SUGENDRAN A/L NAGANDRAN**

**FPP 2020 39**



**KESEDIAAN GURU DALAM MELAKSANAKAN PENGAJARAN  
MENGUNAKAN KONSEP DIDIK HIBUR DI SEKOLAH DALAM HOSPITAL  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

By

**SUGENDRAN A/L NAGANDRAN**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**Jun 2020**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**KESEDIAAN GURU DALAM MELAKSANAKAN PENGAJARAN  
MENGUNAKAN KONSEP DIDIK HIBUR DI SEKOLAH DALAM HOSPITAL  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

Oleh

**SUGENDRAN A/L NAGANDRAN**

**Jun 2020**

**Pengerusi : Profesor Madya Aminuddin Hassan, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Abstrak merupakan ringkasan keseluruhan tesis dan wajib diberi perhatian rapi sepertimana bahagian tesis yang lain. Abstrak tidak mengandungi bahan rujukan. Nama singkatan atau akronim mesti didahului dengan terminology penuh pada penggunaan kali pertama.

Abstrak harus diolah antara 300-500 perkataan. Abstrak merangkumi pernyataan permasalahan, penerangan ringkas dan tepat tentang reka bentuk dan pengkaedahan penyelidikan, rumusan penemuan utama dan kesimpulan.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesediaan guru dalam melaksanakan pengajaran menggunakan konsep didik hibur di Sekolah Dalam Hospital (SDH) di Semenanjung Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan pengajaran guru berasaskan faktor demografi dengan pengalaman, sikap memotivasi diri, serta kesihatan fizikal dan mental pelaksanaan konsep didik hibur dalam kalangan guru SDH. Kajian ini telah dilaksanakan ke atas 95 orang guru di SDH Semenanjung Malaysia. Bagi mencapai objektif kajian ini, instrumen kajian berbentuk kuantitatif digunakan untuk mengumpul data melalui borang soal selidik. Data maklumbalas responden dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi faktor demografi responden yang meliputi nilai min, peratusan, dan sisihan piawai. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiada perbandingan yang signifikan ditemui antara faktor demografi (Pemboleh ubah tidak bersandar) iaitu lokasi SDH, jantina, umur, pengalaman mengajar di SDH dan kekerapan menggunakan konsep didik hibur dalam pelaksanaan pengajaran dengan pemboleh ubah bersandar iaitu pengetahuan, memotivasi diri dan kesihatan fizikal dan mental dalam kalangan guru. SDH. Kajian ini

memberi implikasi ke atas kesediaan guru menggunakan teknik pengajaran berkonsepkan didik hibur dapat mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif bagi murid-murid di SDH.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

**TEACHER'S PREPAREDNESS IN IMPLEMENTING THE CONCEPT OF FUN LEARNING EDUCATION FOR TEACHING AND ASSESSING CHILDREN AT A HOSPITAL-BASED SCHOOL IN PENINSULAR MALAYSIA**

By

**SUGENDRAN A/L NAGANDRAN**

**June 2020**

**Chairman : Associate Professor Aminuddin Hassan, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

The abstract is a digest of the entire thesis and should be given the same consideration as the main text. It does not normally include any reference to the literature. Abbreviations or acronyms must be preceded by the full term at the first use.

An abstract should be between 300-500 words. It includes a brief statement of the problem, a concise description of the research method and design, a summary of major findings, including their significance or lack of it, and conclusions.

This study aims to identify the teacher's readiness in implementing teaching using the concept of entertainment educated at the School in Hospital (SDH) in Peninsular Malaysia. The study also aims to examine the implementation of teachers based on demographic factors with experience, self-motivating attitude, as well as physical and mental health implementation of the concept of entertainment educated among SDH teachers. This study was conducted on 95 teachers in SDH Peninsular Malaysia. To achieve the objectives of this study, quantitative study instruments were used to collect data through questionnaires. Respondents' feedback data were analyzed using descriptive statistics for the respondent's demographic factors covering mean value, percentage, and standard deviation. The results showed that no significant comparison was found between demographic factors (Non-leaning variables) namely SDH location, gender, age, teaching experience in SDH and frequency using the concept of educated entertainment in the implementation of teaching with leaning variables i.e. knowledge, self-motivation and physical and mental health

among teachers in SDH. This study implicates the willingness of teachers using teaching techniques with the concept of entertainment educators to create a conducive environment for pupils in SDH.



## PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat tuhan yang maha mulia dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, akhirnya saya dapat menyempurnakan thesis bagi memenuhi Master Sains Sosiologi Pendidikan.

Ribuan terima kasih yang tidak terhingga merakamkan kepada penyelia saya DrAminuddin Hassan kerana tidak pernah jemu dalam memberi pendapat dan idea serta bimbingan kepada saya sepanjang menjalankan kajian ini. Saya juga merakamkan terima kasih kepada penyelia kedua saya Dr Norlizah Che Hassan dan Dr Siti Suria Salim yang telah mengajar dan membimbing memberi pendapat dan idea tentang kajian yang telah saya menjalankan selama ini. Ribuan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Rajesh A/L Ramasamy dan Dr. Sri Ganesh A/L Muthiah dari Fakulti Perubatan yang telah mengesahkan validiti soal selidik kajian saya.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada pegawai Bahagian Jabatan Pendidikan Khas (Kementerian Pendidikan Malaysia) yang telah membenarkan saya membuat kajian di Sekolah Dalam Hospital Semenanjung Malaysia. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Penyelia Sekolah Dalam Hospital yang telah membantu saya mengedarkan soal selidik kajian saya kepada guru-guru Sekolah Dalam Hospital. Tidak terlupa juga kepada kedua-dua ibu bapa dan isteri saya yang telah memberi sokongan dan dorongan sepanjang menyiapkan tesis saya. Akhir sekali, saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada 95 orang guru Sekolah Dalam Hospital semenanjung Malaysia kerana sudi menjadi responden dalam kajian ini. Akhir kalam semoga segala usaha dan bantuan yang telah dihulurkan mendapat restu dan rahmat daripada tuhan.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyaliaan adalah seperti yang berikut:

**Aminuddin Hassan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Norlizah Che Hassan, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor and Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Disember 2020

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Sugendran a/l Nagandran GS43004

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat	
<b>ABSTRAK</b>	i	
<b>ABSTRACT</b>	iii	
<b>PENGHARGAAN</b>	v	
<b>PENGESAHAN</b>	vi	
<b>PERAKUAN</b>	viii	
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii	
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii	
<b>BAB</b>		
<b>1</b>	<b>PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	5
1.4	Objektif kajian	6
1.5	Persoalan Kajian	7
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Batasan Kajian	8
1.8	Definisi Operational	8
1.8.1	Sekolah Dalam Hospital	9
1.8.2	Pengalaman Guru Mengajar di SDH	9
1.8.3	Konsep Didik Hibur	9
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	10
1.10	Penutup	11
<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>12</b>
2.1	Pengenalan	12
2.2	Konsep Sekolah Dalam Hospital (SDH)	12
2.3	Kesediaan Guru	13
2.3.1	Konsep Didik Hibur	14
2.3.2	Aspek Memotivasi Diri	15
2.3.3	Aspek Kesihatan Fizikal	17
2.3.4	Aspek Kesihatan Emosi	18
2.4	Hubungan Pengalaman Mengajar Dengan Pelaksanaan Pengajaran Berunsurkan Didik Hibur	19
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>21</b>
3.1	Pengenalan	21
3.2	Reka Bentuk Kajian	21
3.3	Alat Pengukuran	21
3.4	Lokasi Kajian	22
3.5	Instrumen Kajian	23
3.5.1	Soal Selidik	23
3.6	Sampel Kajian	24

	3.6.1	Guru-Guru SDH	24
	3.7	Pengumpulan maklumat dan analisis data	25
<b>4</b>		<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>27</b>
	4.1	Pengenalan	27
	4.2	Latar Belakang Demografi Responden	27
	4.2.1	Mengenal pasti kemahiran yang digunakan oleh guru SDH untuk persediaan pengajaran berkonsepkan didik hibur.	29
	4.2.2	Mengenal pasti motivasi dalam kalangan guru SDH dalam penggunaan didik hibur dalam pelaksanaan pengajaran	30
	4.2.3	Mengenal pasti perbezaan kesihatan emosi dan fizikal guru mengikut jantina guru	32
	4.2.4	Rumusan	34
<b>5</b>		<b>PERBINCANGAN DAN RUMUSAN</b>	<b>36</b>
	5.1	Pengenalan	36
	5.2	Ringkasan	36
	5.3	Perbincangan kajian : Mengenal pasti kemahiran yang digunakan oleh guru SDH untuk persediaan pengajaran berkonsepkan didik hibur	36
	5.3.1	Perbincangan kajian: Mengenal pasti motivasi dalam kalangan guru SDH dalam penggunaan didik hibur dalam pelaksanaan pengajaran	37
	5.3.2	Perbincangan kajian : Mengenal pasti tahap kesihatan fizikal dan mental guru SDH dalam pelaksanaan pengajaran unsur didik hibur mengikut jantina	39
	5.4	Rumusan	39
	5.5	Cadangan dan Penambahbaikan	40
	5.6	Kesimpulan	40
		<b>RUJUKAN</b>	<b>41</b>
		<b>LAMPIRAN</b>	<b>43</b>
		<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>59</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
3.1	Senarai Sekolah Dalam Hospital yang terpilih oleh pengkaji	23
4.1	Analisis Frekuensi dan Peratusan Profil Responden Mengikut Jantina	28
4.2	Analisis Frekuensi dan Peratusan Profil Responden Mengikut Pengalaman Mengajar di SDH	28
4.3	Analisis Kolerasi Pearson antara pengalaman mengajar guru SDH dengan kemahiran persediaan pengajaran berkonsepkan didik hibur	29
4.4	Jadual pasti motivasi dalam kalangan guru SDH dalam penggunaan didik hibur dalam pelaksanaan pengajaran	30
4.5	Jadual Analisis dan frekuensi perbezaan kesihatan emosi dan fizikal guru mengikut jantina guru	33

## SENARAI SINGKATAN

UPM	Universiti Putra Malaysia
SDH	Sekolah Dalam Hospital
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
EFA	Education for All
UNESCO	United Nations Education Scientific and Cultural Organization
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
FPP	Fakulti Pengajian Pendidikan
SPSS	Statistical Package for the Social Science
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Pada dasarnya, sistem pendidikan di negara kita menjadi penumpuan terhadap dasar pendidikan demi melahirkan manusia yang sempurna dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek dalam sesebuah masyarakat berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Bagi merealisasikan konsep yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, pembelajaran sepanjang hayat diperkenalkan secara meluas dan dapat dilihat dalam pelaksanaan penubuhan Sekolah Dalam Hospital (SDH). SDH merupakan satu inisiatif bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan (KKM), dan Yayasan Nurul Yaqueen (YNY) terhadap keperluan meneruskan pendidikan kepada pesakit (murid) yang sedang menjalani rawatan di hospital.

Objektif SDH adalah memastikan pendidikan murid tidak terjejas walaupun dirawat di wad dan terus dipelihara selaras dengan matlamat Education for All (EFA) iaitu hasrat yang diperjuangkan oleh UNESCO (United Nations Education Scientific and Cultural Organization), (Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM 2014). Sehubungan itu, program ini menjadi tanggungjawab pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memastikan perkhidmatan pendidikan boleh diakses oleh kanak-kanak dan remaja umur persekolahan walaupun menerima rawatan di wad hospital (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Galakan dan sokongan dalam kalangan ibu bapa yang mahukan anak-anak mereka terus mendapat pendidikan iaitu sepanjang hayat telah diperkenalkan secara meluas menerusi penubuhan 15 buah SDH di seluruh Malaysia (Utusan, Februari 24, 2012). Kaedah ini dimartabatkan sebagai satu langkah mengatasi keciciran murid yang ketinggalan sesi persekolahan apabila menerima rawatan untuk tempoh yang panjang dan dijalankan secara percuma. Pembelajaran di SDH adalah berstruktur dan formal mengikut kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia dibawah Akta Pendidikan 1996. Guru mengajar dalam persekitaran yang kondusif serta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih fleksibel berlandaskan kepada didik hibur "Fun Learning" (Buku Panduan Sekolah Dalam Hospital, 2011)

Konsep didik hibur bermaksud aktiviti mendidik sambil menghibur dan konsep pengajaran ini telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011. Selain itu, pengenalan konsep didik hibur merealisasikan hasrat transformasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) lebih interaktif serta berpusatkan pelajar

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). Pelaksanaan pengajaran berkonsepkan didik hibur ini secara tidak langsung membantu proses rawatan kanak-kanak yang berada di hospital (Liza, S. & Rachel, W.R, 2010). Hal ini kerana murid dapat menimba ilmu melalui pendekatan pengajaran yang menyeronokan, persekitaran pembelajaran tenang, menarik dan berwarna-warni menjadi satu terapi semula jadi bagi pesakit (Liza, S. & Rachel, W.R, 2010). Hal ini disokong oleh Amir Johari dan Noor Zila (2012) mengatakan bahawa pembelajaran secara didik hibur mampu mencungkil potensi murid supaya menerokai pelbagai bidang ilmu pengetahuan.

Menurut Zarinah Binti Abdul Rashid (2016), guru bertindak sebagai pemangkin dalam reformasi sistem pendidikan sesebuah negara bagi melahirkan generasi yang berintelek tinggi, berdaya saing dan kompeten dalam semua aspek. Aspek ini disokong oleh Bekas Menteri Pendidikan Dr. Maszlee Malik iaitu berjaya melakukan pelbagai reformasi dan penambahbaikan dalam sistem pendidikan negara terutamanya memperbaiki sekolah-sekolah daif seluruh negara (Sinar Harian, 5 Januari 2020). Justeru itu, guru menjadi agen pelaksana program SDH seharusnya kreatif serta bijak menggunakan konsep didik hibur yang bersesuaian dengan keperluan murid ini yang terdiri daripada keupayaan pembelajaran dan keadaan kesihatan (Norhidani & Norasmah, 2018). Oleh itu, kesediaan guru dalam konsep didik hibur menjadi peranan penting dalam melaksanakan PdP yang berkesan di SDH.

Walaubagaimanapun, terdapat kajian yang mengatakan bahawa guru SDH bersedia untuk mengajar namun beberapa guru didapati belum berupaya melaksanakan pendekatan didik hibur dan fleksibel dalam PdP Normah dan Ruhaiza, (2014). Hal ini kerana guru meluangkan masa kepada tugas harian dan menyebabkan kekurangan masa dalam persediaan konsep didik hibur dalam PdP sebelum melaksanakan di SDH. Oleh itu, beberapa guru mengambil inisiatif untuk datang sejam awal untuk membuat persediaan PdP yang berunsurkan konsep didik hibur sebelum kelas bermula.

Kesediaan guru dalam melaksanakan PdP dalam SDH lebih mencabar apabila mengajar murid yang terdiri daripada pelbagai masalah kesihatan. Maka guru SDH sangat prihatin terhadap kesihatan fizikal diri supaya dapat melaksanakan PdP dengan sempurna. Menurut (Wong dan Cheng, 2012), sebagai kumpulan pendidik yang bertanggungjawab, mereka memainkan peranan yang penting dalam mendidik murid kepentingan amalan gaya hidup sihat. Selaras dengan itu, kesediaan guru dalam aspek kesihatan fizikal berpotensi mengalakkan murid belajar dalam suasana yang kondusif semasa pelaksanaan PdP. Pendapat ini selaras dengan (Cummings-Vickaryous & LeDrew, 2011) yang mengatakan bahawa guru-guru sekolah perlu untuk menjadi sihat sebagai 'role model' aktif untuk murid di sekolah.



Murid yang mengikuti rawatan di hospital mudah terdedah kepada masalah kesihatan emosi dan mempunyai daya penumpuan dan konstenrasi yang rendah menurut (Au, 2014). Hal ini dibangkit daripada kepelbagaian masalah kesihatan murid apabila mereka berada di persekitaran hospital yang dikelilingi oleh pesakit lain seterusnya mewujudkan ketidakselesaian dalam mengikuti PdP di hospital. Maka, guru-guru SDH berpotensi untuk menangani masalah tersebut dengan mewujudkan suasana yang kondusif semasa melaksanakan PdP di SDH. Seterusnya, masalah ini berkait rapat dengan keupayaan guru-guru melaksanakan sesi hati ke hati dan kebajikan murid. Namun demikian, kajian mendapati guru kurang mengambil kira aspek kesediaan diri emosi, psikomotor termasuk juga kognitif semasa mengendalikan pembelajaran di wad atau di SDH yang disediakan oleh pihak Hospital. Oleh itu, kajian ini dapat mengambil kira kepentingan strategik kesediaan guru dalam melaksanakan pengajaran di luar daripada persekitaran sekolah iaitu SDH.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Pelbagai kajian telah dilakukan berkenaan dengan Sekolah Dalam Hospital (SDH) sebelum ini. Namun, kurang penekanan bagi kajian berfokuskan aspek kesediaan guru memenuhi keperluan murid yang mengalami masalah kesihatan di SDH. Maka melihat perkara ini, strategi pengajaran guru memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran kondusif di SDH dan dapat memberi ketenangan dan selesa kepada murid yang diwadkan. Proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih dinamis dan progresif berkait rapat dengan kebijaksanaan seorang guru dalam memilih kaedah yang sesuai dengan tahap dan kebolehan pelajar (Zaleha, 2011).

Terlebih dahulu, Model SDH Malaysia berpandukan kepada (The Children's Hospital at Westmead Royal North Shore Hospital dan Sydney Children's Hospital, Randwick, Australia) yang disesuaikan mengikut konteks Malaysia (Manual Pelaksanaan Program Sekolah Dalam Hospital, 2014). Sehubungan itu, kurikulum kebangsaan digunakan dalam program SDH bagi melaksanakan proses PdP yang merangkumi lima kitaran, iaitu sesi hati ke hati, perancangan PdP, pelaksanaan PdP, refleksi dan pemulihan, pengukuhan dan pengayaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Sesi pengajaran dilaksanakan secara berkumpulan ataupun secara individu di wad bergantung pada nasihat Doktor di Hospital. Guru sebagai agen pelaksana pengajaran di SDH seharusnya bersedia secara kreatif dan bermotivasi tinggi menggunakan pendekatan yang sesuai dengan keperluan murid terdiri daripada pelbagai masalah kesihatan dan tahap persekolahan (Norhidani Buyong & Norasmah Othman, 2018).

Guru sentiasa bersedia menghadapi cabaran dan segala perubahan dalam sistem pendidikan dari semasa ke semasa untuk bertanggungjawab menyampaikan ilmu dan kemahiran kepada murid SDH. Ekoran daripada itu,

pelbagai usaha telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk memperbaiki dan meningkatkan sistem pendidikan. Mutakhir ini, KPM telah memberi keutamaan kepada permohonan guru untuk perkhidmatan di SDH penting dan sangat diperlukan untuk membangunkan modal insan. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia, telah berhasrat memperkenalkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkonsepkan didik hibur di sekolah untuk merealisasikan hasrat transformasi proses pengajaran dan pembelajaran lebih interaktif serta berpusatkan murid. Kajian ini disokong oleh Siti Salmiah, (2014) yang mengatakan bahawa pendekatan didik hibur bukan setakat menarik minat mereka belajar sahaja, tetapi ia boleh menjadi satu bentuk terapi dalam menghilangkan kebosanan, meringankan kesakitan disamping melatih kemahiran psikomotor dan daya kreatif.

Ada kajian yang mendapati bahawa pendekatan didik hibur memberi impak positif terhadap perkembangan emosi kanak-kanak dimana ia boleh mendatangkan kegembiraan dan dapat mengalakkan komunikasi antara satu sama lain (Ramlah dan Siti Fatimah, 2016). Dapatan kajian ini membuktikan guru SDH memerlukan motivasi yang tinggi bagi melaksanakan pengajaran terutamanya murid yang pelbagai masalah kesihatan. Sehubungan itu, guru-guru di SDH memerlukan latihan khusus untuk meningkatkan kemahiran dan motivasi diri dalam melaksanakan proses PdP yang berkonsepkan didik hibur dalam suasana yang kondusif. Kemahiran dan motivasi diri guru-guru perlu terus diperbaharui seiring dengan perubahan yang berlaku sama ada kepada kandungan atau pendekatan PdP bagi meningkatkan taraf persediaan guru dari segi kemahiran dan pengetahuan dalam melaksanakan PdP di SDH.

Proses pelajaran dan pembelajaran (PdP) di SDH dijalankan berasaskan keperluan murid yang berada di wad ataupun di bilik SDH. Sehubungan ini, guru bertindak sebagai pemudah cara untuk dalam melaksanakan pembelajaran secara individu di wad dan secara kumpulan di bilik SDH (Panduan Pelaksanaan Kurikulum di Sekolah Dalam Hospital, 2013). Cabaran ini memainkan peranan kesediaan guru secara fizikal dan mental bagi melaksanakan pembelajaran di persekitaran yang berbeza dengan sekolah harian biasa. Dalam situasi ini, guru bertindak sebagai kaunselor untuk membimbing dan mendorong murid bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dimana jua.

Oleh itu, pembelajaran berkonsepkan didik hibur merupakan langkah yang bijak dan kreatif dalam usaha memberi pendidikan kepada murid yang tidak dapat mengikuti sekolah sedia ada. Maka keperluan dan kepentingan terhadap penguasaan ilmu oleh murid bergantung kepada kesediaan guru dalam melaksanakan pembelajaran yang fleksibel bagi melahirkan generasi yang berintelektual tinggi.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kajian-kajian sebelum ini berkaitan SDH kebanyakan menyentuh aspek persepsi guru, pengalaman guru mengajar dalam SDH, pelaksanaan PdP di SDH dan efikasi sendiri guru SDH di Malaysia. Namun begitu, penyelidikan tentang kesediaan guru SDH berkhidmat serta menghadapi cabaran masih belum dijalankan di SDH. Kesediaan guru untuk mengajar sesuatu mata pelajaran adalah amat penting kerana ia merangkumi pencapaian dalam peperiksaan murid. Sehubungan ini, pengkaji memfokuskan kepada beberapa elemen aspek kesediaan guru memainkan peranan penting dalam pelaksanaan pengajaran berunsurkan konsep didik hibur iaitu kemahiran motivasi murid, kesihatan fizikal dan kesihatan mental. Pengkaji mengambil inisiatif membuat temu janji bersama Guru SDH di SDH Hospital Serdang, SDH Hospital Kuala Lumpur, SDH Pusat Perubatan Universiti Malaya dan SDH Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia untuk mendapatkan maklumat bagi kajian.

Berdasarkan penelitian pengkaji, mendapati bahawa para guru SDH menghadapi kesukaran dalam melaksanakan proses pengajaran apabila kehadiran murid bergantung kepada jangka masa rawatan di hospital. Hal ini kerana keberadaan murid di hospital untuk rawatan adalah jangka masa pendek. Maka guru SDH sentiasa membuat persediaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) mengikut sukatan kurikulum peringkat Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah bagi setiap mata pelajaran. Sejurus ini, guru menghadapi cabaran dalam mengendalikan proses pengajaran berkonsepkan didik hibur untuk murid yang menjalani rawatan di wad. Sikap dan motivasi guru yang positif memainkan peranan penting melaksanakan konsep didik hibur dalam persekitaran yang luar biasa daripada sekolah harian biasa.

Berdasarkan senario di atas, penambahbaikan yang drastik perlu dilakukan untuk memastikan pelaksanaan PdP yang berkualiti di SDH seperti mempertingkatkan kursus dan latihan bagi kesediaan diri guru yang berorientasikan strategi pembelajaran sendiri, mendapatkan maklumat secara sendiri, kemampuan sendiri dan penilaian sendiri di SDH (Manual Pelaksanaan Program Sekolah Dalam Hospital, 2014). Kursus atau latihan ini dapat meningkatkan kepakaran memotivasi dan keupayaan guru SDH berdepan dengan murid sakit pelbagai aras kecerdasan pada satu waktu pembelajaran yang serentak. Kaedah ini disokong oleh Baharin & Hasnita, (2014) mengatakan bahawa sekiranya guru yang mengajar dalam persediaan yang baik maka prestasi pencapaian juga baik, sekiranya guru mengajar dengan kurang kesediaan maka keputusan yang dihasilkan adalah sebaliknya.

Aspek ini selaras dengan standard 4 dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2010 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) yang menyatakan guru merancang dan melaksana proses PdP yang berkualiti tinggi dan bersungguh-sungguh untuk memperkembang potensi dan pencapaian murid

pada tahap optimum secara berterusan. Pelaksanaan PdP yang berkesan di SDH oleh guru-guru tetapi jumlah murid yang menghadiri SDH adalah tidak tetap kerana bilangan murid yang hadir ke dalam kelas ianya bergantung kepada tahap kesihatan pelajar itu sendiri. Ini kerana -guru SDH sentiasa mengutamakan tahap kesihatan murid terlebih dahulu sebelum melaksanakan pengajaran di SDH. Selain itu, Pelaksanaan Pengajaran yang dirancang oleh guru mengambil kira kesediaan murid, kebenaran ibu bapa dan pengesahan doctor terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, guru SDH mempunyai potensi untuk mengajar dalam apa jua keadaan dan perlu menguatkan kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran yang lebih progresif.

Selain itu, aspek kesihatan fizikal dan kesihatan mental guru-guru SDH dititikberatkan semasa mengajar murid sama ada di wad mahupun bilik SDH. Hali ini kerana ada beberapa murid SDH mudah mengalami masalah emosi dan mempunyai daya penumpuan dan konstenrasi yang rendah (Au, 2014). Selain itu, aspek ini ditititberatkan melalui pemantauan pelaksanaan rintis program SDH mendapati kesemua murid menyatakan bahawa mereka berminat dan mendapat faedah pemnbelajaran melalui konsep didik hibur kajian Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) pada tahun 2012 (Normah & Ruhaiza, 2014). Persediaan guru dalam aspek pengajaran didapati guru kurang mempelbagaikan pembelajaran murid yang pelbagai masalah kesihatan dan tahap umur (Norhidani Buyong & Norasmah Othman, 2018).

Sumber daripada kajian-kajian lepas, membangkitkan persoalan jurang amalan pelaksanaan pengajaran guru berkonsepkan didik hibur yang terkini di SDH Semenanjung Malaysia. Secara khususnya kajian ini mengenal pasti kesediaan guru SDH dengan amalan-amalan yang digunakan dalam konteks semasa berbanding konteks amalan digunakan dalam kajian-kajian lepas. Jurang pengalaman mengajar dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran mempengaruhi profesionalisme guru yang berkait rapat didik hibur dalam pelaksanaan PdP. Ini penting kerana pengkaji dapat mengenal pasti kepentingan kesediaan guru SDH bagi merancang PdP yang berkesan kepada murid yang mengikuti rawatan hospital dapat pendidikan yang sama diajar di sekolah harian. Maka, murid bermasalah kesihatan mendapat akses pendidikan dan tidak akan ketinggalan pelajaran dan menimba ilmu pengetahuan walaupun berada di hospital.

#### **1.4 Objektif kajian**

Secara umumnya, kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesediaan guru dalam menyediakan diri untuk mengajar PdP terhadap murid yang berada di SDH. Untuk mencapai objektif diatas, berikut adalah beberapa objektif khusus ;

- i. Mengetahui kemahiran yang digunakan oleh guru SDH untuk menyediakan pengajaran berkonsepkan didik hiburan.
- ii. Mengetahui hubungan antara pengalaman guru SDH dengan pelaksanaan pengajaran berkonsepkan didik hiburan.
- iii. Mengetahui tahap motivasi dalam kalangan guru SDH dalam penggunaan didik hiburan dalam pelaksanaan pengajaran.
- iv. Mengetahui tahap kesihatan fizikal dan mental guru SDH dalam pelaksanaan pengajaran unsur didik hiburan mengikut jantina.

### **1.5 Persoalan Kajian**

Pencapaian objektif kajian akan cuba dipenuhi berpandukan beberapa persoalan kajian yang berikut;

- i. Apakah kesediaan diri dalam aspek kemahiran guru dalam pengendalian konsep didik hiburan dalam pengajaran?
- ii. Apakah hubungkait kesediaan guru antara guru yang mengajar lama berbanding guru yang baru berkhidmat di SDH?
- iii. Apakah tahap motivasi guru dalam pelaksanaan pengajaran didik hiburan di sekolah?
- iv. Apakah kesediaan diri dalam aspek kesihatan emosi semasa melaksanakan Pengajaran didik hiburan di SDH?
- v. Apakah kesediaan diri dalam aspek kesihatan fizikal semasa melaksanakan Pengajaran didik hiburan di SDH?

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Masyarakat kini tidak sedar tentang kewujudan SDH di beberapa Hospital Kerajaan negara kita. Kajian yang dilakukan terhadap SDH terhad oleh para penyelidik sebelum ini. Oleh itu, kajian terhadap SDH yang berunsurkan kesediaan guru dalam pelaksanaan pengajaran sewajarnya dilakukan agar golongan masyarakat dapat merealisasikan kepentingan SDH di seluruh Malaysia.

Kajian ini dapat memberi input positif dalam kesediaan pengajaran dan pembelajaran kepada warga pendidik terus berjuang mendidik murid walau apa jua persekitaran. Sejurus ini, kajian ini dapat mendorong guru sekolah harian untuk sedia berkhidmat di SDH bagi memenuhi tenaga pengajar di SDH seluruh negara. Selain itu, faktor sosial memainkan peranan penting semasa pelaksanaan pengajaran dimana membantu menggalakkan interaksi antara guru dan murid lebih rapat di persekitaran yang kondusif.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) giat berusaha memperkenalkan sistem pendidikan yang fleksibel kepada para pelajar sekolah yang berasaskan pembelajaran Abad Ke-21. Maka kajian ini dapat mengetahui kesediaan sebenar guru SDH dalam mengendalikan proses pengajaran berunsur didik hibur bersama murid wad mahupun bilik SDH. Kajian ini juga membawa implikasi bahawa guru SDH berjaya melaksanakan program SDH dengan penuh dedikasi dan komited. Maka, kajian ini dapat membantu KPM untuk membuat penilaian terhadap pengendalian pengajaran guru SDH. Data kajian dapat mendorong kepada penyelidikan untuk mengkaji keberkesanan kurikulum untuk membantu tindakan susulan dan menyemak kembali sukatan pelajaran yang dirancang untuk SDH.

### **1.7 Batasan Kajian**

Terdapat 15 buah Sekolah Dalam Hospital (SDH) sedang beroperasi dari seluruh hospital kerajaan di Malaysia. Kajian ini mempunyai batasan di mana hanya 10 buah Sekolah dalam Hospital (SDH) sahaja, bagi memudahkan kajian ini dilaksanakan dengan sempurna. Kajian ini terbatas kepada guru-guru yang mengajar mata pelajaran di SDH sahaja. Responden terdiri daripada guru-guru yang sedang mengajar di Sekolah dalam Hospital (SDH). Data guru amat penting kerana pengalaman mengajar mereka dapat meningkatkan kekuatan kajian ini. Disamping itu, data tersebut dapat memudahkan pengumpulan data dan analisis data serta menjimatkan masa dan tenaga.

Mengikut syarat KPM dan KKM, sebelum menjalankan kajian di SDH wajib mendapat surat kebenaran dan persetujuan daripada kementerian tersebut. Demi menghormati dan mematuhi syarat-syarat tersebut, kajian ini hanya melibatkan para guru SDH dengan persetujuan Bahagian KPM bagi menjalankan soal selidik dengan sempurna. Pelajar yang menghadapi masalah kesihatan akan menerima rawatan dalam jangka masa panjang di hospital. Sejurus itu, mereka akan menerima pendidikan secara kondusif dan fleksibel di SDH. Oleh yang demikian, kajian ini memfokuskan kepada cara pelaksanaan pembelajaran terhadap keperluan sosial kepada pelajar sebelum ke SDH dan semasa berada di SDH tentang aspek emosi, keadaan fizikal dan penguasaan ilmu semasa pelaksanaan PdP.

### **1.8 Definisi Operational**

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang digunakan oleh pengkaji yang membawa maksud tersendiri. Definisi kajian adalah penting untuk sebarang kekeliruan dan salah tanggapan dalam kalangan para pengkaji dan pelajar yang membaca kajian ini. Berikut merupakan beberapa istilah penting berdasarkan tajuk kajian yang perlu ditakrifkan;

### **1.8.1 Sekolah Dalam Hospital**

Malaysia telah mencipta satu dimensi dalam pendidikan negara dengan mewujudkan Sekolah Dalam Hospital (SDH) bagi memastikan perkhidmatan pendidikan boleh diakses oleh kanak-kanak dan remaja umur persekolahan tanpa mengira keadaan dan tempat termasuk murid yang menerima rawatan di hospital (Bahagian Pendidikan Khas, 2017). SDH adalah luar biasa daripada aliran sekolah harian biasa yang dilengkapi dengan fasiliti seperti bilik khas bagi kanak-kanak yang bermasalah kesihatan, ruangan wad yang boleh melaksanakan PdP yang beroentaskan didik hibur dan bilik guru yang fleksibel.

Sekolah SDH terdiri daripada 3 bahagian iaitu, bahagian pra sekolah, bahagian sekolah rendah dan sekolah menengah yang diuruskan oleh seorang penyelia, guru SDH yang dilantik melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan seorang pembantu pengurusan murid. Pelaksanaan PdP di SDH dijalankan di bilik SDH dan wad kanak-kanak mengikut keperluan murid yang mengikut rawatan.

### **1.8.2 Pengalaman Guru Mengajar di SDH**


Menurut Aswaniza Shamsudin & Rosadah Abd Majid, (2018) guru yang dilantik berdasarkan kriteria seperti kelayakan dalam Ijazah dalam pendidikan dan telah menjalani beberapa sesi kursus bagi melayakkan mereka berkhidmat di SDH untuk mendidik murid-murid bermasalah kesihatan di hospital. Justeru ini, pengalaman guru memainkan peranan penting dalam menyesuaikan diri untuk menghadapi cabaran mengajar di persekitaran yang baharu. Pengalaman guru dalam mengajar di SDH ternyata bahawa kepercayaan dan kemampuan diri guru melaksanakan PdP dengan penuh komited dan berdedikasi. Tidak dinafikan bahawa guru yang baru berkhidmat di SDH kurang berpengalaman tetapi keunikan daya pemikiran dan kreativiti guru merangsang pelaksanaan PdP yang fleksibel bersama murid yang berada di wad.

### **1.8.3 Konsep Didik Hibur**

Menurut Kamus Dewan (2000), didik dimaksudkan bahawa sebagai pelihara, jaga dengan hati-hati dan ajar manakala hibur dimaksudkan sebagai menyeronokkan atau meriangkan. Maka, didik hibur dapat dirumuskan sebagai satu pendekatan dalam proses PdP yang berifat santai dan berhibur seperti nyanyian, lakonan dan permainan secara terancang. Sehubungan itu, PdP berunsurkan didik hibur dapat mewujudkan suasana bilik darjah lebih bersifat menyeronokkan dan fleksibel.

## 1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka Konseptual kajian ini ditunjukkan dalam rajah 1.1 di bawah



Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Tahap kesediaan Guru dalam Melaksanakan PdP di SDH

### Kerangka Konsep

Berdasarkan bacaan-bacaan ini, maka satu konsep teoritikal telah dibina untuk memandu arah kajian ini. Kerangka konsep ini dihubungkan dengan kesediaan guru dalam aspek-aspek yang berikut dalam pelaksanaan pengajaran berunsurkan didik hibur.. Lantaran itu, kesediaan guru merangkumi penyediaan rancangan mengajar harian yang dibuat dengan teliti merupakan kunci kejayaan bagi sesuatu pengajaran (Khairul, 2014).

Dengan sentiasa berfikir ke hadapan, guru dapat membuat jangkaan terhadap tindak balas murid dan seterusnya merancang pengajaran bersesuaian dengan tindak balas itu. Sehubungan itu, tahap kesediaan guru SDH dalam pelaksanaan PdP yang berkesan dapat membawa sesi pembelajaran yang kondusif bersama murid yang berada di hospital. Perancangan dan penyediaan PdP yang berunsurkan didik hibur menarik perhatian murid. Kesihatan guru yang sihat dari segi fizikal dan emosi dapat mewujudkan interaksi dan integrasi dalam SDH bersama murid. Justeru, murid mempunyai keyakinan dengan kesediaan guru semasa pelaksanaan PdP di SDH.



Penilaian yang dibuat oleh pengkaji diharapkan dapat memberi kesedaran dan refleksi kepada para guru yang berkhidmat di SDH sekaligus dapat meningkatkan kualiti pendidikan negara terutamanya di SDH.

### **1.10 Penutup**

Kesediaan guru dalam pendekatan didik hibur yang digunakan dalam pembelajaran SDH ini seiring dengan agenda kerajaan yang berhasrat memperkenalkan konsep didik hibur di peringkat sekolah rendah bagi merealisasikan transformasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah. Sejurus ini, konsep didik hibur diaplikasikan di SDH supaya pembelajaran lebih berfokus kepada murid walaupun mereka mengalami masalah kesihatan. Pelaksanaan PdP yang berteraskan fleksibel dan didik hibur dan peranan guru dalam memberi sokongan moral kepada murid secara farmaseutikal dipercayai dapat mengurangkan beban kesakitan mereka.

## RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. 2013. Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 3(2): 49-63.
- Aida Mohd Anip. 2014. Peningkatan profesionalisme guru-guru SDH. *Prosiding Seminar Sekolah Dalam Hospital Kali Ke-2*, 33-39. Putrajaya: Bahagian Pendidikan guru, kementerian Pendidikan Malaysia.
- Akhiar Pardi, Shamsina Shamsuddin dan Muhammad Kushairi Jusoh. (2012). *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesional Guru*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd
- Asri Selamat. (2007). *Amalan pentaksiran pengajaran dan pembelajaran di Sekolah-Sekolah Menengah Bestari Negeri Johor Darul Takzim*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis PhD
- Fullan, M.G.dan Stiegelbauer,S. (1991). *The New Meaning of Educational Change. 2nd.ed*. London: Cassel Educational Limited.
- Kementerian Pendidikann Malaysia (2010). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010)*. Edisi Pelancaran PIPP 2006. Diterbitkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. 2006. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan kurikulum, kementerian Pendidikan malaysia.
- Daniatul Firdaus. 2014. *Pengaruh tingkat pendidikan, pelatihan dan pengalaman mengajar terhadap profesionalisme guru sekolah dasar di daerah Binaan IV kecamatan comal*. E-Tesis Sarjana. universitas Negeri Semarang, Indonesia.
- Fatimah ahmad. 2009. *Penilaian pelaksanaan program pemulihan khas*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, universiti kebangsaan malaysia.
- Ishak Baba. 2009. *keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan kaitannya terhadap prestasi akademik pelajar universiti Tun Hussein Onn*. Laporan Geran Jangka Pendek. Universiti Tun Hussien Onn, Johor.
- Jemaah Nazir & Jaminan kualiti. 2015. *Tindakan pembetulan dan penambahbaikan sekolah berdasarkan dapatan pemeriksaan*. Seremban, 1-2 april.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. *Panduan Pelaksanaan Kurikulum Kebangsaan di Sekolah Dalam Hospital*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan guru.

- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2014. *Manual Pelaksanaan Program Sekolah Dalam Hospital*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2016. *Verifikasi Penilaian Kendiri*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Khas.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Penilaian Pelaksanaan Program Sekolah Dalam Hospital*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan khas.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. *Buletin Anjakan*. Putrajaya: unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Soal Selidik Kepuasan Ibu Bapa Terhadap Perkhidmatan Pendidikan Khas*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan khas.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2009. *Standard guru Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman & Ahmad Tajuddin Othman. 2009. *Pengaruh jenis latihan guru dan pengalaman mengajar terhadap efikasi guru sekolah menengah*. Jurnal Pendidikan Malaysia 34(2): 3-14.
- Norhaiza Tahir. 2015. *Hubungan personaliti guru terhadap kemahiran proses sains pelajar*. Laporan Projek Penyelidikan Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn.
- Norliah kasim. 2014. *Penilaian Program Transformasi Pendidikan Prasekolah KPM di sekolah kebangsaan*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Normah Ismail & ruhaiza Isa. 2014. *Cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran berkualiti di sekolah dalam hospital*. Prosiding Seminar Sekolah Dalam Hospital Kali Ke-2, 19- 32. Kementerian Pendidikan Malaysia: Bahagian Pendidikan Guru
- Norhidani Buyong, Norasmah Othman. 2018. *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Program Sekolah dalam Hospital*. Jurnal Pendidikan Malaysia 2018.
- Siti Salmiah Mohd Shariff. 2014. *Pengajaran seni kraftangan berorientasikan didik hiburan di SDH*. Prosiding Seminar Sekolah Dalam Hospital Kali Ke-2, 114-128. Putrajaya: Bahagian Pendidikan guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.